

10 NOV 2000

Mahathir-IT

DR MAHATHIR GESA KORPORAT BANTU TINGKATKAN CELIK IT

JITRA, 10 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyeru lebih ramai golongan korporat supaya tampil ke hadapan untuk membina pusat pendidikan komputer di kawasan luar bandar.

Beliau berkata, kerajaan sangat mengharapkan kerjasama golongan berkenaan dalam membina pusat seumpama itu untuk meningkatkan pengetahuan komputer di kalangan generasi muda di luar bandar.

Sekarang ini wujud jurang perbezaan yang agak luas daripada segi celik komputer antara mereka yang tinggal di bandar dengan mereka yang berada di luar bandar.

"Saya seru golongan korporat supaya beri sokongan kepada usaha kerajaan meningkatkan pengetahuan teknologi maklumat itu. Kita mahu lihat lebih banyak pusat pendidikan komputer dibina, terutama di kawasan luar bandar," katanya semasa berucap merasmikan Pusat Komuniti Parlimen Kubang Pasu, di sini, hari ini.

Pusat Komuniti itu akan memberi bimbingan kepada generasi muda tentang penggunaan komputer, kaunseling serta pendidikan. Isteri Dr Mahathir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali yang turut hadir pada majlis itu, adalah penasihat pusat berkenaan yang terletak di bangunan bekas pasar Jitra.

Perdana Menteri berkata, beliau berharap di masa depan lebih banyak pusat seperti yang terdapat di Kubang Pasu itu dapat dibina.

Apabila semakin ramai rakyat negara ini menguasai bidang teknologi maklumat, maka masyarakat akan mendapat banyak pengetahuan, katanya.

"Saya yakin apabila masyarakat kita telah mempunyai kebolehan yang tinggi dalam bidang teknologi maklumat itu kita dapat memajukan negara kita (dalam bidang berkenaan) setanding dengan negara lain," katanya.

Namun demikian beliau berharap, kemudahan yang disediakan di pusat berkenaan tidak disalahgunakan untuk melakukan perkara-perkara yang tidak baik.

"Ada orang yang menggunakan kemudahan teknologi maklumat melalui internet dan e-mel untuk menyebarkan surat layang serta melakukan perkara lain yang salah.

"Saya meminta, pengguna teknologi maklumat sedar bahawa menyalahgunakan kemudahan teknologi maklumat adalah satu perbuatan yang kotor," katanya.

Pada masa yang sama Dr Mahathir juga meminta golongan muda supaya terus menguasai bidang teknologi maklumat.

Dunia sekarang menyaksikan perkembangan yang pesat dalam bidang teknologi maklumat dan perhubungan yang secara umumnya mendatangkan kebaikan kepada manusia.

"Kita mendapat banyak kebaikan daripada perkembangan teknologi. Dengan adanya Internet kita boleh mendapatkan maklumat daripada seluruh dunia dengan cepat, tidak seperti dahulu yang memerlukan masa yang lama serta melibatkan banyak kerja," katanya.

Dr Siti Hasmah yang turut berucap pada majlis itu berkata, penubuhan pusat berkenaan bermula dengan idea untuk mengadakan sebuah pusat perkhidmatan siber.

Idea berkenaan akhirnya telah menampakkan kejayaan dengan terbinanya pusat ini yang diwujudkan dengan kerjasama beberapa pihak swasta serta Universiti Utara Malaysia (UUM), katanya.

Pusat berkenaan mengenakan bayaran RM5 sebagai bayaran keanggotaan.

Ia menawarkan kursus tentang penggunaan komputer, perisian, perpustakaan, serta memberi kaunseling dalam bidang pendidikan dan kerjaya.

Sekarang ini terdapat kira-kira 40 komputer di pusat itu hasil sumbangan beberapa syarikat swasta.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Shafie Mohamed Saleh.

-- BERNAMA

MZM PR